

08 DEC 2002

Mustapa-Penoreh

KERAJAAN AGIH ELAUN SARA HIDUP PEKEBUN KECIL GETAH

TANAH MERAH, 8 Dis (Bernama) -- Kerajaan sedang mengagihkan bantuan elaun sara hidup peringkat kedua berjumlah RM100 juta kepada pekebun kecil getah di seluruh negara bagi meringankan beban hidup mereka.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed berkata sebahagian daripada peruntukan kerajaan pusat itu telah selesai diagihkan.

"Sebanyak RM20 juta diperuntukkan untuk pekebun kecil getah di Kelantan...dalam sehari dua lagi kita akan berikan kepada mereka," katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Aidil Fitri di kediamannya Darul Falah, Kemahang di sini, hari ini.

Mustapa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan berkata pekebun kecil getah di negeri ini mendapat peruntukan paling tinggi berbanding negeri-negeri lain.

Beliau berkata melalui bantuan dan harga komoditi itu, yang meningkat kepada RM2.50 sekilogram, taraf hidup pekebun kecil diharap akan bertambah baik.

Beliau berkata peruntukan tertinggi kepada pekebun kecil getah di Kelantan membuktikan kerajaan pusat tidak pernah menganaktirikan negeri ini walaupun diperintah oleh PAS.

"Kita bersyukur kerana (Perdana Menteri) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad prihatin terhadap nasib rakyat negeri ini walaupun Kelantan diperintah pembangkang...oleh itu kita perlu bersyukur," katanya.

Mustapa berkata Kelantan juga mendapat peruntukan tertinggi di bawah bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu RM15 juta setahun berbanding negeri-negeri lain.

Bantuan itu dimanfaatkan oleh orang kurang upaya, ibu tunggal dan orang tua.

Katanya pelaksanaan pelbagai program pembangunan kerajaan pusat dan penghantaran wang menerusi anak Kelantan di perantauan membolehkan ekonomi negeri ini masih bertahan.

Tanpa dua kombinasi faktor itu, sudah pasti Kelantan terus mundur disebabkan pentadbiran kerajaan PAS yang tidak cekap, katanya.

-- BERNAMA

BD NAK